

Kapal China ceroboh, Malaysia perlu tegas

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tidak sampai seminggu insiden 16 pesawat China menceroboh udara Malaysia, aset tentera laut republik itu pula dikesan berada berdekatan Beting Patinggi Ali di Sarawak pada 4 Jun lalu.

Kapal pengawal pantai itu memasuki perairan Malaysia kira-kira 84 batu nautika (155 kilometer) dari pantai Miri iaitu di Beting Patinggi Ali yang merupakan kawasan terlibat dalam pertikaian tuntutan antara China dan Malaysia.

Perkara itu disahkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) yang menerima laporan berkaitan kapal China memasuki perairan negara.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Geostrategis Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Dr. Azmi Hassan** berkata, sikap Malaysia yang terlalu berlembut dengan China menjadi punca aset pertahanan republik itu sering memasuki perairan negara.

Beliau menjelaskan kejadian itu bukan berlaku sekali dua, sebaliknya banyak kali terjadi kerana China ingin memperkukuhkan kekuatan mereka terhadap lokasi berkenaan khususnya Laut China Selatan.

Jelasnya, Malaysia perlu bertegas dalam soal kedaulatan negara kerana kegagalan berbuat demikian menyebabkan kejadian sama berulang meskipun Angkatan Tentera Malaysia (ATM) meletakkan kekuatan aset di kawasan terlibat.

“Dalam soal hubungan ekonomi kita boleh berbaik,



DR. ZAID AHMAD

tetapi dalam konteks kedaulatan, ia tidak boleh berkompromi dengan mana-mana negara sekalipun China dan ia perlu dipertahankan.

“Kita mengambil contoh Indonesia apabila mereka berikan mesej tiada toleransi dalam isu kedaulatan dengan mereka merampas kapal nelayan China dan menenggelamkannya ketika menceroboh Kepulauan Natuna sebelum ini, ia menggambarkan mesej tegas dan tiada kompromi mereka kepada China,” katanya.

Pada 1 Jun lalu, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mendedahkan telah mengesan penerbangan mencurigakan iaitu sebanyak 16 buah pesawat tentera udara milik China memasuki ruang udara Zon Maritim Malaysia, Kota Kinabalu dan menghampiri ruang udara nasional pada 31 Mei.

Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Ackbal Abdul Samad berkata, penerbangan pesawat-pesawat tersebut telah dikesan oleh Radar Pertahanan



DR. AZMI HASSAN

Udara TUDM daripada Pusat Pertahanan Udara (CRC 2) di Sarawak pada jam 11.53 pagi waktu tempatan.

Dalam pada itu, Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Professor Dr. Zaid Ahmad** berkata, kerajaan Malaysia perlu tegas dengan tidak boleh lagi terlalu berlembut dengan pihak yang menceroboh kedaulatan negara.

Katanya, walaupun Malaysia negara kecil tetapi mempunyai kedaulatan yang wajib dipertahankan dan tidak boleh sewenang-wenangnya dicabuli oleh pihak lain.

“Bukan setakat hantar nota bantahan sahaja, kita kena panggil Duta China ke Wisma Putra untuk beri penjelasan. Kalau benda ini masih berterusan, kena bawa ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

“Kita kena tegas, kalau tidak sampai bila-bila isu ini tidak akan selesai,” katanya.